



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5556
Faks : 03-8891 5557
http : //www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.4 (64)
Tarikh : 10 Februari 2015

SIARAN MEDIA

“HOUSING GUARANTEE SCHEME OF KOREA” KE MEJA BULAT BAGI MELINDUNGI PEMBELI RUMAH

PUTRAJAYA, 10 FEBRUARI 2015 – Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengadakan sesi perbincangan Meja Bulat mengenai ‘*Housing Guarantee Scheme of Korea*’ bersama wakil Korea *Housing Guarantee Co.Ltd* di sini pagi ini.

‘*Housing Guarantee Scheme*’ diperkenalkan di Korea pada tahun 1982 untuk melindungi pembeli rumah dan juga pihak pemaju Korea di mana skim tersebut menyediakan pampasan kepada pembeli sekiranya pembinaan rumah tidak dapat disiapkan atau terbengkalai. Di pihak pemaju pula, skim itu akan memberi bantuan kepada pemaju sekiranya berlaku kenaikan kos pembinaan yang tidak dijangka.

Tujuan sesi perbincangan Meja Bulat diadakan adalah untuk mendapatkan maklum balas serta pandangan pelbagai pihak yang terlibat dalam industri pembinaan perumahan Negara selain mengkaji lebih lanjut kesesuaian skim tersebut bagi dilaksanakan di Negara ini.

Turut hadir sama bagi sesi perbincangan meja bulat ini ialah YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Gabenor Bank Malaysia. Beberapa Persatuan seperti REHDA, AIBIM, ABM dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) serta dua Profesor Madya dari Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia juga hadir dalam sesi perbincangan meja bulat ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Ladskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Solid Waste Corporation Malaysia, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my